

## BAB 2 :

### PERKEMBANGAN SEKTOR PELANCONGAN DI MALAYSIA

#### 2.1 DEFINISI PELANCONGAN

Pelancongan dan melancong membawa maksud yang berbeza. Menurut kamus dewan, pelancongan berasal daripada perkataan lancong atau melancong yang membawa maksud melawat sambil melihat-lihat (bersenang-senang).<sup>1</sup> Dalam bahasa Inggeris Pelancongan diertikan sebagai *tourism* manakala melancong pula diertikan sebagai *travel* atau *journey*.<sup>2</sup> Melancong juga didefinisikan sebagai meninggalkan tempat tinggal menuju ke sesuatu destinasi dengan tujuan tertentu dan berhasrat untuk kembali semula ke tempat asal.<sup>3</sup> Manakala pelancong pula diertikan sebagai orang yang bermusafir ke sesuatu tempat dengan tujuan tertentu dan tidak bertujuan untuk berhijrah atau berkerja di tempat tersebut.<sup>4</sup>

Pelancongan turut didefinisikan sebagai satu kegiatan multidimensi dan pelbagai yang menyentuh dalam aspek kehidupan dan aktiviti ekonomi. Pelancongan tidak semuanya

---

<sup>1</sup>Noresah Bt Baharom (1997), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 756.

<sup>2</sup>Joyce M. Hawkins (2006), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Edisi Keempat, Oxford Fajar Sdn Bhd, h. 203.

<sup>3</sup>Asmak Ali dan Fatimah Salleh (2010), "Pelancongan dari Perspektif Islam", (Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010), h. 52-63.

<sup>4</sup>Hashim Ibn Muhammad Ibn Hussain Naqud (2003), *Aḥkām Al-Sīyāḥah wa Athāruḥā*, Arab Saudi, Dār Ibn al-Jauziyah, h. 17.

bertujuan untuk keseronokan atau berhibur malah ia juga merangkumi pelancongan perniagaan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan dan lain-lain.<sup>5</sup> Fathi Yakan membahagikan pelancongan kepada dua iaitu perlancongan taat yang berlandaskan syariat Islam dan pelancongan maksiat iaitu yang berlawanan dengan ketetapan dan syariat Allah s.w.t.<sup>6</sup> Menurut Hunziker<sup>7</sup> pula, beliau mendefinisikan pelancongan sebagai satu fenomena yang mempunyai hubungan dengan perjalanan seseorang yang tidak kekal dan tidak terlibat dengan aktiviti atau kegiatan yang produktif.<sup>8</sup>

Pertubuhan Pelancongan Dunia atau *World Tourism Organization* (WTO) mendefinisikan pelancongan sebagai orang yang pergi atau tinggal di tempat-tempat yang diluar kebiasaan mereka untuk bercuti dengan tidak melebihi tempoh satu tahun.<sup>9</sup> Manakala *Islamic Tourism Centre* atau Pusat Pelancongan Islam di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia pula telah mendefinisikan pelancongan Islam sebagai suatu bidang atau industri atau aktiviti yang berkaitan dengan pengembaraan untuk melawat tempat-tempat yang mempunyai sejarah Islam, mengenali budaya serta warisan Islam, dan juga untuk memahami dan menyelami cara hidup masyarakat Islam.<sup>10</sup>

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelancong merupakan seseorang yang meninggalkan rumah kediamannya untuk pergi ke sesuatu tempat dengan tujuan bercuti

---

<sup>5</sup> Chris Cooper *et al.* (1993), *Tourism Principles And Practice*, Longman Group Limited, h. 4.

<sup>6</sup> Fathi Yakan (1999), *Fiqh al-Syāḥah fī al-Islām*, Beirut Lubnan, Muasasah al-Risālah, h. 28.

<sup>7</sup> Christine N. French *et al.* (1995), *Principles Of Tourism*, Pearson Education Australia Pty Limited, pp. 3.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h 3.

<sup>9</sup> World Tourism Organization, <http://unwto.org/> akses pada 9 Mac 2011.

<sup>10</sup> Islamic Tourism Centre <http://www.itc.gov.my/content.cfm> akses pada 30 Jan 2012.

atau melancong. Manakala pelancongan pula disimpulkan sebagai satu industri yang memberi kemudahan kemudahan kepada orang ramai untuk pergi melancong.

## **2.2 PERKEMBANGAN SEKTOR PELANCONGAN DI MALAYSIA**

Sektor pelancongan negara merupakan salah satu sektor yang penting dalam ekonomi negara. Sehingga kini, sektor pelancongan merupakan sektor kelima terbesar negara selepas sektor perkhidmatan kewangan, kelapa sawit, borong dan runcit, gas dan tenaga, dan petroleum dengan menyumbang sebanyak RM36.9 bilion kepada Keluaran Negara Kasar (KNK).<sup>11</sup> Namun begitu pada peringkat awal selepas pasca kemerdekaan Malaysia, kerajaan tidak memberi penekanan terhadap sektor pelancongan. Kerajaan pada ketika itu lebih memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur negara dan melawan ancaman komunis. Selain itu, faktor ancaman dari luar seperti konfrantasi dengan Indonesia turut menjejaskan fokus kerajaan pada ketika itu. Ia sekaligus melambatkan perkembangan sektor pelancongan di Malaysia.<sup>12</sup> Pada era tahun 60-an, sektor pelancongan masih belum memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan ekonomi negara. Kerajaan pada ketika itu memberi tumpuan kepada sektor hasil bumi seperti bijih timah dan getah. Sektor hasil bumi tersebut telah menyumbang sebanyak 45% kepada keluaran Negara kasar (KNK) pada tahun 70-an.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup>Unit Perancangan Ekonomi (2010), *Program transformasi Ekonomi : Hala Tuju Untuk Malaysia*, Jabatan Perdana Menteri, h. 341.

<sup>12</sup>Nik Anuar Nik Mahmud (2009), *Konfrontasi Malaysia Indonesia*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, h 127.

<sup>13</sup>Unit Perancang Ekonomi (1971), *Rancangan Malaysia ke-2 1971-1975*, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, h 52.

Walaupun, sektor pelancongan negara telah mula dilihat mengalami perkembangan positif pada era tahun 70an. Ketibaan pelancong melalui udara dan air ke Malaysia telah meningkat daripada 23,000 orang pada 1961 kepada 77,000 orang pada tahun 1970 dengan purata kemasukan setahun meningkat sebanyak 14.4%. Hasil kerjasama kerajaan dengan pihak swasta telah meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan asas untuk kegunaan pelancong. Bilangan bilik penginapan yang mengikut piawaian antarabangsa telah meningkat daripada 1900 bilik pada tahun 1965 kepada 6000 bilik pada tahun 1970. Di samping itu, peningkatan jumlah hotel dan bilik tersebut turut membuka peluang pekerjaan kepada penduduk Malaysia seramai 2700 orang pada tahun 1965 kepada 8000 orang pada tahun 1970.<sup>14</sup>

Dalam Rancangan Malaysia Ke-2 (RMK-2: 1971-1975), kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Ia bertujuan untuk mencapai perpaduan nasional melalui pembasmian kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan antara kaum<sup>15</sup>. Pada tahun 1972, Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada *Conference Of The Pacific Areas Travel Association* (PATA). Seminar berkenaan telah menyedarkan kerajaan terhadap kepentingan dan peluang ekonomi yang terdapat dalam sektor pelancongan. Ekoran dari itu, kerajaan telah menubuhkan *Tourist Development Corporation* (TDC) pada 1972 yang bertujuan untuk melaksanakan dasar pembangunan

---

<sup>14</sup>*Ibid.*, h 167.

<sup>15</sup>*Ibid.*, h 1.

pelancongan pertama negara yang lebih dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pelancongan 1975.<sup>16</sup>

Sektor pelancongan negara dilihat semakin berkembang pada awal tahun 80-an. Pada ketika ini negara sudah aman daripada ancaman komunis dan juga ancaman luar. Jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia sebanyak 2.25 juta orang pada tahun 1980 telah meningkat kepada 3.22 juta orang pada tahun 1985 dan seterusnya meningkat kepada 3.62 juta orang pada tahun 1988.<sup>17</sup> Pada tahun 1987, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah ditubuhkan. Kemudian pada tahun 1990 kerajaan telah menaikkan kementerian tersebut kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Dengan penubuhan tersebut, ia telah merencanakan lagi pembangunan industri pelancongan negara.<sup>18</sup>

Dalam Rancangan Malaysia ke-5 (RMK-5: 1986-1990), kerajaan telah mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas untuk para pelancong di seluruh negara seperti menaikkan jeti pelancongan di Kuala Tahan, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman. Membaiki kemudahan sedia ada di taman-taman negara. Selain itu, kerajaan juga telah menaikkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan

---

<sup>16</sup>Azizan Marzuki (2010), "Tourism Development In Malaysia. A Review On Federal Government Policies", *Journal Theoretical And Empirical Reseaches In Urban Management*, v.5 (2010), no.8(17), November, Bucharest, Romania, Academy of Economic Studies, pp 85-97, p 87.

<sup>17</sup>Unit Perancang Ekonomi (1986), *Rancangan Malaysia ke-Lima 1986-1990*, Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri, h 395.

<sup>18</sup>Azizan Marzuki (2010), *op.cit.*, h 87.

Terbang Antarabangsa Langkawi bagi menampung kemasukan pelancong asing yang kian bertambah.<sup>19</sup>

Seterusnya, kerajaan telah mengamalkan dasar ruang angkasa terbuka untuk penerbangan sewa khas ke Malaysia. Dasar tersebut bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong asing berkunjung ke Malaysia melalui penerbangan khas dari negara masing-masing terus ke destinasi pelancongan seperti Langkawi, Pulau Tioman, Kota Kinabalu dan Kuching.<sup>20</sup> Pada tahun 1990, kerajaan telah mengisytiharkan Program Tahun Melawat Malaysia (TMM 90). Ia telah meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke Malaysia sebanyak 7.44 juta pelancong.<sup>21</sup>

Dalam Rancangan Malaysia ke-6 (RMK-6: 1991-1995), kerajaan telah bekerjasama dengan pihak swasta dalam membangunkan produk-produk pelancongan baru.<sup>22</sup> Kemudian, pada tahun 1994, kerajaan sekali lagi melancarkan Tahun Melawat Malaysia 1994 (TMM 94) dengan menawarkan 170 program dan acara merangkumi kebudayaan, kesenian, kraftangan, perayaan kebangsaan, sukan, konvensyen dan pameran.<sup>23</sup> Pembukaan Lebuh raya Utara Selatan (PLUS) sepanjang 847 km menghubungkan Bukit Kayu Hitam dengan Johor Baharu telah meningkatkan kemudahan jaringan

---

<sup>19</sup>Unit Perancang Ekonomi (1991), *Rancangan Malaysia Ke-Enam 1991-1995*, Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri, h 171.

<sup>20</sup>*Ibid.*, h 171.

<sup>21</sup>Habibah Ahmad (1994), "Industri Pelancongan Di Asean : Satu Cabaran", *Jurnal Akademika* 44 (Januari 1994), h 15-44, h 22.

<sup>22</sup>Unit Perancang Ekonomi (1996), *Rancangan Malaysia Ke-Tujuh 1996-2000*, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, h. 361.

<sup>23</sup>*Ibid.*, h. 363.

pengangkutan dalam negara. Ia berjaya mengalakan perkembangan pelancongan domestik dan meningkatkan ketibaan pelancong dari Thailand dan Singapura.<sup>24</sup>

Namun, industri pelancongan negara telah mengalami kemerosotan pada tahun 1997 dan 1998 disebabkan oleh kejadian jerebu, penularan wabak virus nipah dan *Coxsackie* serta krisis kewangan Antarabangsa. Faktor-faktor tersebut menjadi punca kemerosotan kedatangan pelancong Malaysia. Peratusan kemasukan pelancong telah menurun sebanyak 13% pada tahun 1997 dan 10.6% pada tahun 1998. Bagi memulihkan semula krisis ekonomi yang melanda Malaysia, kerajaan telah menjadikan sektor pelancongan sebagai salah satu pelan pemulihan krisis tersebut. Kerajaan telah melakukan pelbagai strategi baru dengan meningkatkan promosi dan menceburi pasaran baru seperti China, India, Timur Tengah, Australia, dan juga Eropah. Antara tujuan kerajaan adalah untuk menggalakkan aliran masuk wang ke dalam negara dan mengurangkan aliran keluar matawang negara dan seterusnya memulihkan krisis ekonomi negara. Hasilnya, pada tahun 1999 ketibaan pelancong telah meningkat sebanyak 43.6% daripada jumlah ketibaan pelancong tahun 1998. Sebanyak 10.2 juta pelancong telah direkodkan melawat Malaysia pada tahun 2000.<sup>25</sup>

Industri pelancongan negara berkembang baik dengan peningkatan ketibaan pelancong dengan kadar purata sebanyak 10.0% setiap tahun. Namun, pada tahun 2003, ketibaan pelancong ke Malaysia telah kembali mengalami kemerosotan. Ia disebabkan oleh

---

<sup>24</sup>*Ibid.*, h. 366.

<sup>25</sup>Unit Perancang Ekonomi (2001), *Rancangan Malaysia Ke-Lapan 2001-2005*, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, h 355-356.

penularan wabak Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan keadaan politik dunia yang tidak stabil. Walaubagaimanapun, ketibaan pelancong telah meningkat semula pada tahun 2005 dengan 16.4 juta orang dicatatkan melawat Malaysia.<sup>26</sup> Pada Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8: 2001-2005), kerajaan telah menyasarkan strategi asas dan dasar pembangunan pelancongan untuk mencapai pertumbuhan yang mampan di samping menjana pendapatan negara. Strategi pelancongan yang mampan telah digunakan untuk melindungi keseimbangan antara alam sekitar, ekonomi, sosial dan isu-isu budaya dalam semua aktiviti pelancongan.<sup>27</sup>

Pada tahun 2007, kerajaan sekali lagi melancarkan program Tahun Melawat Malaysia (TMM 07). Program tersebut dijalankan sempena Sambutan Jubli Emas Kemerdekaan Malaysia ke-50.<sup>28</sup> Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sembilan 2006-2010 (RMK-9), kerajaan masih lagi meneruskan dasar pembangunan pelancongan yang mampan dengan menekankan pembangunan produk baru, peningkatan penggunaan sumber manusia dan membangunkan pelancongan domestik. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada pembangunan eko-pelancongan melalui pertanian dan pembangunan produk luar bandar.<sup>29</sup>

Secara kesimpulannya, sektor pelancongan negara dilihat telah mengalami peningkatan dan perkembangan yang baik. Kerajaan telah mengambil perhatian serius dalam

---

<sup>26</sup>Unit Perancang Ekonomi (2006), *Rancangan Malaysia Ke-Sembilan 2006-2010*, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, h 204.

<sup>27</sup>Azizan Marzuki (2010), *op.cit.*, h. 92.

<sup>28</sup>Unit Perancang Ekonomi (2006), *op.cit.*, h 215.

<sup>29</sup>Azizan Marzuki (2010), *op.cit.*, h 92.

membangunkan industri pelancongan negara sejak awal tahun 80-an sehingga sekarang. Perhatian kerajaan terhadap sektor tersebut dapat dibuktikan dengan peruntukan kewangan dan pelaburan yang dibelanjakan sepertimana yang akan dibincangkan di dalam subtopik di bawah.


## 2.3 PERUNTUKAN DANA PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN

**Jadual 2.1 : Peruntukan Dana Pembangunan Pelancongan Malaysia**

|          | <b>RANCANGAN MALAYSIA 5 TAHUN</b>      | <b>PERUNTUKAN (Juta)</b> |
|----------|----------------------------------------|--------------------------|
| <b>1</b> | Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970) | Tiada peruntukan         |
| <b>2</b> | Rancangan Malaysia Ke-2 (1971-1975)    | RM 8.59                  |
| <b>3</b> | Rancangan Malaysia Ke-3 (1976-1980)    | RM 27.19                 |
| <b>4</b> | Rancangan Malaysia ke-4 (1981-1985)    | RM 40.00                 |
| <b>5</b> | Rancangan Malaysia ke-5 (1986-1990)    | RM 140.00                |
| <b>6</b> | Rancangan Malaysia Ke-6 (1991-1995)    | RM 533.90                |
| <b>7</b> | Rancangan Malaysia Ke-7 (1996-2000)    | RM 605.50                |
| <b>8</b> | Rancangan Malaysia Ke-8 (2001-2005)    | RM 1009.00               |
| <b>9</b> | Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010)    | RM 1847.90               |

Sumber : Azizan Marzuki (2010)& Rancangan Malaysia.

**Graf 2.1 : Aliran Dana Peruntukan Sektor Pelancongan Negara Mengikut RMK.**



Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membangunkan sektor pelancongan negara. Dalam rancangan Malaysia ke-2 (RMK-2: 1971-1975), kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM 8.59 juta. Kemudian sebanyak RM 27.19 juta telah diperuntukan untuk sektor berkenaan dalam Rancangan Malaysia ke-3 (RMK-3: 1976-1980) dengan peningkatan sebanyak RM18.6 juta. Seterusnya, pada Rancangan Malaysia ke-4 (RMK-4: 1981-1985), kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM 40.00 juta untuk industri tersebut. Manakala pada Rancangan Malaysia ke-5 (RMK-5: 1986-1990) pula, sebanyak RM 140.50 juta telah diperuntukan untuk sektor pelancongan negara dengan meningkatkan sebanyak RM100 juta. Hal ini menunjukkan kerajaan mula memberi perhatian terhadap pembangunan industri tersebut. Peningkatan peruntukan tersebut adalah disebabkan oleh usaha kerajaan

dalam meningkatkan lagi promosi pelancongan negara kepada dunia secara agresif sehinggalah membawa kepada pelancaran Tahun Melawat Malaysia 1990.<sup>30</sup>

Pada Rancangan Malaysia ke-6 (RMK-6: 1991-1995), peruntukan terhadap sektor pelancongan telah meningkat sebanyak 3 kali ganda iaitu berjumlah RM533.90 juta. Peruntukan yang besar tersebut adalah untuk melaksanakan beberapa projek pelancongan yang dirancang dalam RMK-6 seperti promosi dan galakan pelancongan, pemuliharaan tempat-tempat tarikan pelancong dan mempertingkatkan lagi kemudahan infrastruktur untuk pelancongan.<sup>31</sup> Pada Rancangan Malaysia ke-7 (RMK-7: 1996-2000), peruntukan kerajaan adalah sebanyak RM 605.50 dan peruntukan tersebut telah meningkat kepada RM1009.00 juta pada Rancangan Malaysia ke-8 (RMK-8: 2001-2005). Peruntukan besar tersebut adalah bertujuan untuk pembangunan infrastruktur, pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar, dan pemuliharaan menumen negara. Selain itu, peruntukan tersebut juga merangkumi pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan yang menerima ketibaan pelancong yang tinggi seperti Pulau Redang, Tioman, Pangkor dan Langkawi.<sup>32</sup>

Seterusnya, peruntukan kerajaan terhadap sektor pelancongan terus meningkat pada Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9: 2006-2010) iaitu sebanyak RM 1847.90 juta. Peruntukan tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan fasiliti untuk kegunaan pelancong. Pulangan hasil yang tinggi dalam sektor tersebut

---

<sup>30</sup>Azizan Marzuki (2010), *op.cit.*, h 93.

<sup>31</sup>Unit Perancang Ekonomi (1991), *op.cit.*, h. 178.

<sup>32</sup>Azizan Marzuki (2010), *op.cit.*, h 95.

terutamanya dalam menjana pengaliran wang asing dalam negara telah mendorong kerajaan untuk melakukan lebih banyak pelaburan bagi menarik lebih ramai kemasukan pelancong ke Malaysia.<sup>33</sup>

Secara kesimpulannya, kerajaan telah memberi komitmen yang tinggi dalam membangunkan industri pelancongan negara. Hal ini dapat dilihat dengan peningkatan peruntukan kerajaan setiap tahun untuk pembangunan pelancongan tersebut. Hasil daripada pelaburan yang dikeluarkan kerajaan tersebut akan dibincangkan pada tajuk di bawah.

#### **2.4 KEPENTINGAN SEKTOR PELANCONGAN TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARA**

Sektor pelancongan telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi dan menjana pendapatan negara. Ia merupakan salah satu daripada peneraju ekonomi negara dan merupakan punca pertukaran wang asing negara. Jumlah pendapatan negara melalui pertukaran wang asing telah meningkat daripada RM132 juta pada tahun 1970 kepada RM545 juta pada tahun 1980.<sup>34</sup> Tambahan pula, sewaktu negara mengalami kemelesetan ekonomi pada sekitar tahun 1980-an, kerajaan telah memfokuskan kepada sektor pelancongan untuk meningkatkan kembali pendapatan negara. Hasilnya, sektor berkenaan telah berjaya menyumbang sebanyak RM 1500 juta

---

<sup>33</sup>Salehen Sidek (2010), "Formula Baharu Sektor Pelancongan", *Dewan Ekonomi*, April 2010, h 54-55.

<sup>34</sup>Unit Perancang Ekonomi (1981), *Rancangan Malaysia Ke-Empat 1981-1985*, Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri, h. 344.

kepada negara pada tahun 1985 dan terus meningkat sebanyak RM4,500 juta pada tahun 1990.<sup>35</sup>

Manakala pertukaran mata wang asing pula terus memberi sumbangan kepada negara dengan RM713.4 juta pada tahun 1980 meningkat kepada RM 1,730.6 juta pada tahun 1985.<sup>36</sup> Langkah kerajaan yang menjayakan program Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990 telah meningkatkan hasil pendapatan negara melalui pertukaran matawang asing sebanyak 56% dengan hasil bernilai RM 4.5 bilion.<sup>37</sup> Ketika negara mengalami krisis kewangan pada 1997 dan 1998, kerajaan telah mengambil beberapa strategi dalam sektor pelancongan dalam usaha meningkatkan semula ekonomi Malaysia yang terjejas. Kerajaan telah mempertingkatkan lagi promosi pelancongan negara dan meneroka pasaran baru dunia bagi menarik lebih ramai pelancong melawat Malaysia. Usaha tersebut telah mendatangkan hasil dengan peningkatan kemasukan pelancong dan sebanyak 10.2 juta pelancong telah direkodkan melawat Malaysia pada tahun 2000.<sup>38</sup>

Dengan peningkatan kemasukan pelancong tersebut, ekonomi negara yang terjejas akibat krisis kewangan tersebut telah mula kembali pulih. Pertumbuhan industri pelancongan menyumbang kepada pembangunan ekonomi melalui rantaian rapat dengan beberapa industri lain seperti pengangkutan, penginapan, makanan dan minuman, hiburan dan membeli belah. Oleh itu, pendapatan hasil daripada sektor pelancongan telah meningkat dengan pertumbuhan sebanyak 13.6% dalam tempoh Rancangan

---

<sup>35</sup>Unit Perancang Ekonomi (1991), *op.cit.*, h. 168.

<sup>36</sup>Unit Perancang Ekonomi (1986), *op.cit.*, h. 397.

<sup>37</sup>Salehen Sidek (2010), *op.cit.*, h. 54-55.

<sup>38</sup>Unit Perancang Ekonomi (2001), *op.cit.*, h. 355-356.

Malaysia Ke-7 (RMK-7: 1996-2000) dengan hasil berjumlah RM 18.7 bilion dicatatkan pada tahun 2000.<sup>39</sup>

Seterusnya, peratusan pendapatan pelancongan daripada pendapatan akuan perkhidmatan dalam imbalan pembayaran telah meningkat daripada 32.7% pada tahun 2000 kepada 43.0% pada tahun 2005. Manakala sumbangan bersih pelancongan pula meningkat daripada RM11.2 bilion pada tahun 2000 kepada RM18.1 bilion tahun 2005.<sup>40</sup> Sempena kemerdekaan Malaysia ke-50 pada tahun 2007, kerajaan sekali lagi telah melancarkan program Tahun Melawat Malaysia (TMM 2007). Program tersebut telah berjaya menarik masuk 20.1 juta orang pelancong sekaligus merangsang dan menjana pertumbuhan ekonomi negara dengan menyumbang hasil sebanyak RM 44.5 bilion.<sup>41</sup>

Pada tahun 2009 pula, sektor pelancongan negara telah menyumbang sebanyak RM 36.9 bilion kepada keluaran negara kasar (KNK). Ini menjadikan sektor tersebut industri kelima terbesar negara selepas minyak, gas dan tenaga, perkhidmatan kewangan, borong dan runcit, dan kelapa sawit.<sup>42</sup> Ketibaan pelancong pada tahun tersebut adalah seramai 23.6 juta orang telah mendatangkan hasil kepada negara sebanyak RM53.4 bilion. United Nations World Tourism Organization telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-9 bagi ketibaan pelancong dan tempat ke-13 dari sudut pendapatan.

---

<sup>39</sup>*Ibid.*, h. 357.

<sup>40</sup>Unit Perancang Ekonomi (2006), *op.cit.*, h. 204.

<sup>41</sup>Salehen Sidek (2010), *op.cit.*, h. 54-55.

<sup>42</sup>Unit Perancangan Ekonomi (2010), *op.cit.*, h. 341.

Jumlah pendapatan negara melalui sektor pelancongan terus meningkat kepada RM59.2 bilion pada tahun 2010.<sup>43</sup>

Selain itu, industri pelancongan juga telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan seperti perusahaan restoran, peruncitan, pernyedian perkhidmatan pengangkutan, dan penyediaan penginapan. Guna tenaga yang terlibat secara langsung dalam industri perhotelan telah meningkat dari 25,170 pada tahun 1985 kepada 39,960 pada tahun 1990 dengan mewujudkan tambahan pekerjaan sebanyak 14,790. Bilangan agensi pelancongan juga bertambah dari 611 pada tahun 1985 kepada 1,545 pada tahun 1990. Dalam tempoh itu juga, sebanyak 8,330 lesen telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat bas persiaran, teksi, dan kereta sewa.<sup>44</sup>

Melalui subsektor eko-pelancongan, ia telah membuka peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam penyediaan penginapan melalui program *homestay*. Pada tahun 2010, seramai 2,998 orang telah dilatih dan diberi lesen untuk mengendalikan penginapan *homestay* di seluruh negara. Selain itu, kerajaan telah mempromosikan pakej pelancongan komuniti orang asli telah membuka peluang pekerjaan kepada orang asli menjadi pemandu bot dan pemandu pelancong alam semulajadi.<sup>45</sup> Secara tidak langsung, program seperti ini akan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan disamping meningkatkan lagi pendapatan mereka.

---

<sup>43</sup>Laporan ekonomi 2010/2011, Kementerian Kewangan Malaysia, h. 7.

<sup>44</sup>*Ibid.*, h 170.

<sup>45</sup>*Ibid.*, h 49.

Sektor pelancongan juga telah dapat membangunkan sesuatu kawasan yang kurang maju dan ketinggalan. Ia juga dapat meningkatkan pendapatan dan sosio-ekonomi penduduk setempat. Contohnya, Langkawi suatu ketika dahulu merupakan sebuah pulau yang ketinggalan dari pelbagai sudut kini telah berkembang pesat melalui aktiviti pelancongan dan menjadi salah satu destinasi terkenal di dunia dengan menerima kunjungan pelancong sebanyak 2,376,736 orang pada tahun 2009 dan meningkat kepada 2,448,466 juta pelancong pada tahun 2010.<sup>46</sup> Penduduk tempatan pula dapat melibatkan diri dalam sektor berkenaan dengan menjadi pengusaha homestay, pengusaha restoran, menjadi usahawan dalam industri kecil sederhana dan sebagainya. Hal ini dapat memacu dan merancakkan ekonomi di kawasan terbabit.<sup>47</sup>

Dari segi aspek pengangkutan dan perhubungan pula, Malaysia kini mempunyai beberapa syarikat penerbangan murah yang turut membantu mempromosikan pelancongan negara. Umpamanya syarikat penerbangan Firefly, Air Asia dan MAS menawarkan perkhidmatan tambang murah yang memberi kemudahan dan keupayaan kepada orang ramai untuk pergi melancong ke destinasi pilihan mereka.<sup>48</sup> Hal ini dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara dengan menggalakan rakyat Malaysia pergi melancong ke destinasi pilihan domestik seperti Pulau Tioman, Taman negara, Bandaraya Melaka dan termasuklah Langkawi disamping dapat mengurangkan pengaliran keluar matawang negara.

---

<sup>46</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *Laporan Tahunan 2009*, h. 57.

<sup>47</sup>Amal Hayati Ishak et al (2010), "Meneroka Potensi Sektor Pelancongan Dalam Menjana Pertumbuhan Ekonomi Negara", (Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010), h 285-291, h 290.

<sup>48</sup>*Ibid.*, h 290.

## **2.5 PERKEMBANGAN SEKTOR PELANCONGAN DI LANGKAWI**

Langkawi merupakan sebuah pulau yang terletak di utara semenanjung Malaysia. Keindahan semulajadi disamping kisah lagenda yang tersendiri memberikan keunikan kepada Langkawi untuk menjadi sebuah pusat peranginan yang terkemuka di dunia.<sup>49</sup> Bermula dengan pengisytiharan Langkawi sebagai pulau bebas cukai, kerajaan telah membangunkan pelbagai kemudahan infrastruktur yang lengkap, jaringan perhubungan yang baik dan hotel penginapan yang memenuhi permintaan menjadikan Langkawi sebagai tempat tumpuan para pelancong dari seluruh dunia.<sup>50</sup> Justeru, sektor pelancongan di Langkawi dilihat semakin berkembang dan maju dengan peningkatan jumlah kemasukan pelancong setiap tahun.<sup>51</sup>

### **2.5.1 Statistik Kemasukan Pelancong Ke Langkawi**

Corak kemasukan pelancong ke Langkawi dilihat semakin meningkat setiap tahun. Ia selaras dengan sektor pelancong di Langkawi yang semakin berkembang. Usaha dan perancangan pihak berkuasa dalam membangunkan pusat peranginan tersebut kini menampakkan hasil. Jadual statistik di bawah merupakan jumlah kemasukan pelancong ke Langkawi dari tahun 2000 hingga tahun 2009.

---

<sup>49</sup>Majlis Perbandaran Langkawi bandaraya Pelancongan (2009), Draf Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2020, h 4.

<sup>50</sup>Hassan Naziri Khalid et al (2000), “Sosio Ekonomi Penduduk Langkawi Selepas Menjadi Pelabuhan BebasCukai”, Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kedah 100 tahun, Universiti Utara Malaysia, 21-22 Ogos 2000, h 1-19.


<sup>51</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *op.cit.*, h 57.

**Jadual 2.2: Jumlah kemasukan Pelancongan ke Langkawi dari tahun 2000-2009**

|               | <b>2000</b>      | <b>2001</b>      | <b>2002</b>      | <b>2003</b>      | <b>2004</b>      | <b>2005</b>      | <b>2006</b>      | <b>2007</b>      | <b>2008</b>      | <b>2009</b>      | <b>Jumlah<br/>2000-2009</b> |
|---------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|-----------------------------|
| <b>JAN</b>    | 137,379          | 170,725          | 111,726          | 126,328          | 173,780          | 107,985          | 168,045          | 137,375          | 144,341          | 194,754          | 1,472,438                   |
| <b>FEB</b>    | 154,560          | 117,210          | 168,746          | 174,837          | 159,238          | 133,136          | 132,209          | 178,843          | 187,494          | 290,017          | 1,696,290                   |
| <b>MAC</b>    | 136,753          | 155,652          | 139,158          | 140,300          | 172,892          | 143,205          | 170,549          | 195,456          | 203,582          | 201,722          | 1,659,269                   |
| <b>APRIL</b>  | 137,259          | 142,972          | 131,474          | 113,951          | 156,358          | 122,503          | 154,213          | 172,879          | 149,498          | 162,439          | 1,443,546                   |
| <b>MEI</b>    | 148,209          | 175,947          | 173,173          | 150,028          | 195,977          | 139,538          | 167,181          | 191,927          | 212,211          | 184,099          | 1,738,290                   |
| <b>JUN</b>    | 132,633          | 166,523          | 139,832          | 160,753          | 207,961          | 172,592          | 203,716          | 209,708          | 200,817          | 232,025          | 1,826,560                   |
| <b>JULAI</b>  | 139,332          | 148,155          | 141,699          | 139,429          | 165,284          | 152,100          | 175,530          | 195,099          | 170,617          | 203,936          | 1,631,181                   |
| <b>OGOS</b>   | 136,530          | 148,570          | 151,854          | 173,916          | 194,767          | 174,504          | 197,147          | 234,176          | 202,582          | 178,268          | 1,792,314                   |
| <b>SEPT</b>   | 164,749          | 180,563          | 186,748          | 200,211          | 157,221          | 151,221          | 152,097          | 134,529          | 95,846           | 153,342          | 1,576,527                   |
| <b>OKT</b>    | 154,214          | 150,032          | 173,066          | 187,173          | 130,756          | 101,720          | 139,828          | 167,418          | 193,677          | 169,001          | 1,566,885                   |
| <b>NOV</b>    | 193,704          | 153,910          | 140,685          | 157,526          | 185,401          | 198,734          | 186,982          | 223,786          | 211,574          | 205,499          | 1,857,801                   |
| <b>DIS</b>    | 175,138          | 208,854          | 258,290          | 257,494          | 280,136          | 238,049          | 314,440          | 293,166          | 330,918          | 317,590          | 2,674,075                   |
| <b>JUMLAH</b> | <b>1,810,460</b> | <b>1,919,113</b> | <b>1,916,451</b> | <b>1,981,946</b> | <b>2,179,629</b> | <b>1,835,287</b> | <b>2,161,937</b> | <b>2,334,362</b> | <b>2,303,157</b> | <b>2,376,736</b> |                             |

Sumber : Lembaga Pembangunan Langkawi

**Graf 2.2:**  
**Aliran Jumlah Kemasukan Pelancong Ke Langkawi Dari Tahun 2000-2010**



Sumber : Diubah Suai Daripada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

Graf 2.2 di bawah merupakan aliran statistik kemasukan pelancong ke Langkawi dari tahun 2000 sehingga tahun 2010. Secara amnya, corak kedatangan pelancong ke Langkawi telah mengalami peningkatan yang baik iaitu pada tahun 2000 dengan jumlah kemasukan pelancong sebanyak 1,810,460 juta orang meningkat kepada 2,448,466 juta orang pada tahun 2010. Walaupun negara dan dunia telah dilanda wabak penyakit berjangkit iaitu SARS ( Sindrom penafasan akut yang teruk) pada tahun 2003,<sup>52</sup> ia tidak menjejaskan kedatangan pelancong ke Langkawi dengan jumlah kemasukan sebanyak 1,916,451 pada tahun 2002 terus meningkat kepada 1,981,946 orang pada tahun 2003.

Pada tahun 2004, jumlah kemasukan pelancong ke Langkawi telah mencapai angka 2 juta orang iaitu sebanyak 2,179,629 orang. Namun begitu pada tahun 2005, jumlah kemasukan pelancong telah mengalami sedikit penurunan iaitu sebanyak 1,835,287 juta orang.

---

<sup>52</sup>Unit Perancang Ekonomi (2006), Rancangan Malaysia Ke-Sembilan 2006-2010, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, h 204.

Kemerosotan kedatangan pelancong tersebut disebabkan oleh tragedi Tsunami gempa bumi di Aceh Indonesia yang turut melanda Langkawi pada Disember tahun 2004.<sup>53</sup> Walaubagaimanapun, angka kemasukan pelancong mengalami peningkatan semula pada tahun 2006 iaitu sebanyak 2,161,937 juta orang dan meningkat secara mendadak pada tahun 2007 iaitu sebanyak 2,334,362. Hal ini adalah disebabkan oleh program Tahun Melawat Malaysia 2007 yang dijalankan pihak Kerajaan Persekutuan sempena sambutan Jubli emas kemerdekaan Malaysia yang ke-50.<sup>54</sup> Seterusnya, kemasukan pelancong telah mengalami sedikit penurunan pada tahun 2008 iaitu sebanyak 2,303,157 orang pelancong sebelum ia meningkat semula pada tahun 2009 dengan jumlah sebanyak 2,376,736 orang dan sebanyak 2,448,466 pada tahun 2010.

**Jadual 2.3 :  
Jumlah Kemasukan Pelancongan Ke Langkawi Dari Tahun 2000-2009 Mengikut Bulan.**


| <b>Bil</b> | <b>Bulan</b> | <b>Jumlah keseluruhan kemasukan pelancong ke Langkawi mengikut bulan dari tahun 2000-2009</b> |
|------------|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1          | Januari      | 1,472,438                                                                                     |
| 2          | Febuari      | 1,696,290                                                                                     |
| 3          | Mac          | 1,659,269                                                                                     |
| 4          | April        | 1,443,546                                                                                     |
| 5          | Mei          | 1,738,290                                                                                     |
| 6          | Jun          | 1,826,560                                                                                     |
| 7          | Julai        | 1,631,181                                                                                     |
| 8          | Ogos         | 1,792,314                                                                                     |
| 9          | Sept         | 1,576,527                                                                                     |
| 10         | Okt          | 1,566,885                                                                                     |
| 11         | Nov          | 1,857,801                                                                                     |
| 12         | Dis          | 2,674,075                                                                                     |

Sumber : Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

<sup>53</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *op.cit.*, h 58.

<sup>54</sup>*Ibid.*, h 215.

**Graf 2.3 :**  
**Aliran Jumlah Kemasukan Pelancong Ke Langkawi Mengikut Bulan**



Sumber : Diubah Suai Daripada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

Graf 2.3 di atas menunjukkan aliran jumlah keseluruhan kemasukan pelancong ke Langkawi sama ada pelancong dalam mahupun luar negara mengikut bulan bermula Januari tahun 2000 hingga Disember tahun 2009. Corak kemasukan pelancong ke Langkawi dilihat berbeza setiap bulan dan bergantung kepada beberapa faktor tertentu seperti cuti sekolah, cuti perayaan, penganjuran acara tertentu dan lain-lain. Jumlah kemasukan pelancong meningkat lebih tinggi pada bulan Mei dan Jun berbanding bulan-bulan sebelumnya disebabkan oleh faktor cuti sekolah pertengahan tahun. Pelancong tempatan lebih gemar bercuti bersama keluarga dan mengambil peluang cuti sekolah untuk membawa keluarga bercuti di Langkawi.<sup>55</sup> Selain itu, faktor cuti musim panas di negara-negara Arab timur

<sup>55</sup> Temubual Bersama En Zubir Bin Ahmad, Pegawai Khas Kerajaan Negeri Kedah, pada 12 September 2011, jam 9.00pm di Pejabat Pegawai Khas Kerajaan Negeri Langkawi.

tengah pada bulan Mei dan Jun turut menyumbang kepada peningkatan kemasukan pelancong ke Langkawi.<sup>56</sup>

Bulan Disember mencatatkan kemasukan pelancong paling tinggi dengan peningkatan sebanyak dua kali ganda. Hal ini disebabkan beberapa faktor seperti cuti akhir tahun persekolahan, penganjuran program bertaraf antarabangsa seperti Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi atau *Langkawi International Maritime & Aerospace Exhibition* (LIMA) bulan Disember,<sup>57</sup> dan peningkatan kemasukan pelancong dari Eropah disebabkan perubahan musim sejuk.<sup>58</sup>

### **2.5.2 Tempat-Tempat Dan Produk Pelancongan Utama Di Langkawi**

Keindahan alam semulajadi dan rupa bentuk muka bumi yang menarik dengan dikelilingi puluhan pulau kecil yang memukau serta mempunyai kisah-kisah lagenda dan sejarah tersendiri membuatkan Langkawi terkenal sebagai salah satu destinasi percutian yang menarik di dunia. Antara produk-produk menarik yang menjadi tumpuan pelancong di Langkawi ialah seperti berikut :

---

<sup>56</sup>Temubual bersama En Norazman Yussuf, Penolong Pengurus Bahagian Promosi, Lembaga Pembangunan Langkawi pada 13 Oktober 2011 di bangunan LADA.

<sup>57</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *op.cit.*, h 71.

<sup>58</sup>Temubual bersama En Norazman Yussuf, *op.cit.*

## **A. Kereta Kabel Langkawi**

Kereta Kabel Langkawi terletak di Teluk Burau Mukim Padang Matsirat iaitu kira-kira 33km daripada Pusat Bandar Kuah. Laluan kereta kabel sepanjang 50 meter dibina merentasi Rizab Hutan Gunung Matchincang. Terdapat satu Stesen di kaki gunung Matchincang (Oriental Village) dan dua stesen di atas puncak gunung Matchincang iaitu stesen tengah terletak pada ketinggian 651 Meter dan stesen atas pada aras ketinggian 693.5 meter menghampiri puncak Gunung Matchincang 708 meter dari paras laut.<sup>59</sup> Projek mega kerajaan ini mula dibuka pada orang ramai pada 2003 menelan belanja kos pembinaan sebanyak RM69 juta. Sehingga tahun 2009, pihak pengurusan Langkawi Cable Car telah Berjaya memperolehi keuntungan bersih sebanyak RM 24,146,213.38 iaitu 33.99% daripada modal pembinaan projek tersebut sepanjang tempoh 6 tahun beroperasi.<sup>60</sup>

## **B. Underwater World Langkawi**

Underwaterworld Langkawi terletak di Jalan Pantai Cenang merupakan sebuah akuarium besar yang mengandungi lebih daripada 5000 jenis spesis hidupan air masin. Selain daripada spesis ikan laut seperti jerung, pari, penyu dan pelbagai lagi jenis spesis ikan, terdapat juga spesis penguin hitam di ambil daripada benua Afrika.<sup>61</sup>

## **C. Pantai Cenang**

Keindahan pantai yang memutih serta airnya yang jernih menyebabkan pantai berkenaan menjadi tumpuan orang ramai terutamanya pelancong yang datang bercuti di Pulau

---

<sup>59</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *op.cit.*, h 44-45.

<sup>60</sup>*Ibid.*

<sup>61</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi, <http://lada.gov.my/tourism/index.php/products/general/> akses pada 26 Julai 2011.

Langkawi. Selain daripada keindahan pantai yang memukau dan aktiviti sukan air, Pantai Cenang telah pesat membangun dengan pelbagai kedai jualan cenderahati, pakaian, restoran-restoran makanan antarabangsa, dan pelbagai kemudahan pelancongan yang lain.<sup>62</sup>

#### **D. Kota Mahsuri**

Kota Mahsuri merupakan satu perkampungan yang dibina bagi memperingati kisah Mahsuri seorang perempuan suci yang cantik yang mati dihukum bunuh akibat difitnah melakukan perkara sumbang. Kisah tersebut berlaku pada awal kurun ke-18 dimana semasa hembusan nafas terakhir beliau bersumpah Langkawi tidak akan aman dan menjadi padang jarak padang terkukur selama tujuh keturunan. Kemunduran Langkawi sebelum ini kononnya banyak dikaitkan dengan sumpahan beliau. Bagi memperingati beliau, Kota Mahsuri dibina di kampung Mawat iaitu kampung asal beliau dan di situlah terdapat sebuah makam tempat persemadian jasad beliau dan merupakan salah satu tempat yang mesti di kunjungi oleh pelancong sebelum meninggalkan Langkawi.<sup>63</sup>

#### **E. Kilim Karst Geoforest Park**

Kilim Karst Geoforest Park merupakan satu produk baru yang terdapat di Langkawi. Kawasan tersebut merupakan hutan simpan paya bakau di samping berdebat pelbagai jenis batuan yang unik dan beberapa gua yang menarik untuk diterokai.<sup>64</sup> Hasil kajian yang dijalankan oleh para penyelidik, kawasan Kilim Geoforest Park mengandungi batu kapur

---

<sup>62</sup>James N. Naidu (2002), *Langkawi The Complete Guide : The Mystical Islands Of Malaysia*, Anugerah Mutiara Publishing House Sdn Bhd, h. 36-38.

<sup>63</sup>*Ibid.*, h 16-20.

<sup>64</sup>Temubual bersama En Ikwan bin Mohd Said, Pegawai Penerangan Bahagian Geopark LADA pada 8. Sept 2011 jam 2.30pm di Pejabat Bahagian Geopark, Bangunan LADA Langkawi.

yang unik dan pembentukan batu-batu yang menarik berusia jutaan tahun di samping gua batu kapur yang unik.<sup>65</sup> Kawasan tersebut merupakan salah satu daripada taman Geopark yang telah diiktiraf oleh UNESCO (United Nations Educational Scientific and Cultural Organization) pada 2007. Terletak hanya 14km daripada Bandar Kuah, Para pelancong yang ingin menerokai kawasan tersebut perlu menyewa sebuah bot laju menyusuri sungai dan paya bakau di samping menghayati keindahan dan keunikan alam ciptaan Ilahi yang terdapat di situ.<sup>66</sup>

#### **F. Taman Hidupan Laut Pulau Payar**

Pulau Payar merupakan salah satu pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut Malaysia pada tahun 1989. Perwartaan Taman Laut Malaysia di bawah peruntukan seksyen 41 hingga seksyen 45 akta perikanan 1985 dengan bertujuan untuk melindungi, memulihara dan mengurus ekosistem marin daripada pencerobohan dan kerosakan.<sup>67</sup> Keindahan semulajadi dan terdapat pelbagai jenis spesis batu karang dan hidupan yang menarik di Pulau payar menjadikan ia tempat tumpuan pelancong yang gemar melakukan aktiviti menyelam dan *Snorkling*. Ia terletak sejauh 55km di selatan pulau besar Langkawi menjadikan ia menjadi satu tempat yang terasing dan menarik untuk diterokai.<sup>68</sup>

---

<sup>65</sup>Ibrahim Abdullah & Marilah Sarman (2003), "Geopelancongan Kepulauan Langkawi" dalam *Warisan Geologi Langkawi*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, h 44.

<sup>66</sup>Temubual bersama En Ikhwan bin Mohd Said, *op.cit.*

<sup>67</sup>Jabatan Taman laut Malaysia, [http://www.dmpm.nre.gov.my/1-sejarah\\_penubuhan.html](http://www.dmpm.nre.gov.my/1-sejarah_penubuhan.html) akses pada 20 Sept 2011.

<sup>68</sup>James N. Naidu (2002), *op.cit.*, h 50-52.

## **G. Tasik Dayang Bunting**

Tasik tersebut terletak di Pulau Dayang Bunting merupakan tasik air tawar terbesar di Langkawi. Kawasan tersebut juga merupakan salah satu daripada taman Geopark Langkawi yang mengandungi batu kapur yang unik dan menarik berusia jutaan tahun. Pergerakan ke pulau tersebut hanya 30 minit dari Pulau besar Langkawi dengan menaiki bot laju.<sup>69</sup> Pulau dan tasik berkenaan juga dikaitkan dengan lagenda tersendiri di mana dikatakan seorang Dayang istana yang sedang mengandung telah melahirkan anak di tepi tasik berkenaan dan anaknya telah terjatuh ke dalam tasik dan bertukar menjadi buaya berwarna putih. Penduduk setempat percaya jika meminum air tasik berkenaan boleh mendatangkan kesuburan kepada wanita.<sup>70</sup>

### **2.5.3 Statistik Kedatangan Pelancong Ke Produk Pelancongan**

Jumlah kedatangan pelancong ke tempat-tempat dan produk pelancongan utama di Langkawi dilihat semakin meningkat selaras dengan peningkatan kemasukan pelancong ke Langkawi.<sup>71</sup>

---

<sup>69</sup> Temubual bersama En Ikhwan Bin Mohd Said, *op.cit.*

<sup>70</sup> James N. Naidu (2002), *op.cit.*, h 22.

<sup>71</sup> Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *op.cit.*, h 59.

**Jadual 2.4 : Statistik kedatangan pelancong ke produk pilihan tahun 2008, 2009 dan 2010**

| <b>Produk Pelancongan</b> | <b>2008</b> | <b>2009</b> | <b>2010</b> |
|---------------------------|-------------|-------------|-------------|
| Kereta kabel              | 638,852     | 614,547     | 689,867     |
| Underwater World          | 450,029     | 453,682     | 480,244     |
| Wildlife Park             | 66,024      | 117,002     | 126,186     |
| Galeria Perdana           | 136,900     | 111,190     | 120,431     |
| Taman Laut Pulau Payar    | 96,063      | 104,916     | 95,959      |
| Laman Padi                | 101,108     | 103,120     | 107,194     |
| Kompleks Kraf             | 97,591      | 102,149     | 115,052     |
| Taman Buaya               | 53,242      | 56,992      | 41,887      |

Sumber : Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

Jadual 2.4 di atas menunjukkan kedatangan pelancong ke beberapa produk pilihan tahun 2008, 2009 dan 2010. Kedatangan pelancong ke produk-produk tersebut telah mengalami peningkatan dari tahun 2008 hingga tahun 2010 kecuali produk pelancongan Taman Buaya, Taman Laut Pulau Payar dan Galeria Perdana yang mengalami sedikit penurunan kedatangan pelancong. Manakala produk pelancongan Kereta Kabel dan Underwater World merupakan produk yang paling ramai menerima kunjungan dari para pelancong.

#### **2.5.4 Bilangan Hotel Dan Penginapan Di Langkawi**

Seiring dengan peningkatan kemasukan pelancong ke Langkawi, penginapan untuk para pelancong seperti hotel, resort, motel, chalet mahupun penginapan berbentuk homestay juga

mengalami peningkatan dan pertambahan pesat. Menurut Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), sehingga penghujung tahun 2010 jumlah penginapan di Langkawi adalah sebanyak 94 buah merangkumi hotel, resort, hotel bajet, chalet dan juga motel.<sup>72</sup> Penginapan tersebut merangkumi 10 buah hotel dan Resort bertaraf lima bintang, 6 buah Hotel/Resort bertaraf empat bintang, 17 buah penginapan bertaraf tiga bintang, 9 buah penginapan bertaraf dua bintang dan 2 buah penginapan bertaraf satu bintang. Manakala 49 buah penginapan yang lain merupakan penginapan bajet atau murah untuk golongan yang berpendapatan rendah.<sup>73</sup>

**Jadual 2.5 : Senarai Penginapan di Langkawi Bertaraf 3 Bintang dan ke atas**

| BIL | HOTEL/RESORT                       | RATING |
|-----|------------------------------------|--------|
| 1   | Four Season Resort                 | 5      |
| 2   | Meritus Hotel & Resort             | 5      |
| 3   | Rebak Island Resort                | 5      |
| 4   | Sheraton Langkawi Beach Resort     | 5      |
| 5   | Tanjung Sanctuary Langkawi         | 5      |
| 6   | Berjaya Langkawi Resort            | 5      |
| 7   | Tanjung Rhu Resort                 | 5      |
| 8   | The Andaman Langkawi               | 5      |
| 9   | The Datai Langkawi                 | 5      |
| 10  | The Westin Langkawi Resort And Spa | 5      |
| 11  | Awana Porto Malai Langkawi         | 4      |
| 12  | Bayview Hotel                      | 4      |
| 13  | Casa Del Mar                       | 4      |
| 14  | Frangipani Langkawi Resort         | 4      |
| 15  | Holiday Villa                      | 4      |

<sup>72</sup>Lembaga Pembangunan Langkawi, <http://lada.gov.my/tourism/index.php/accommodation/> akses pada 4 Ogos 2011.

<sup>73</sup>*Ibid.*

|    |                                          |   |
|----|------------------------------------------|---|
| 16 | Langkawi Lagoon Resort                   | 4 |
| 17 | AB Motel                                 | 3 |
| 18 | Aseania Resort Langkawi                  | 3 |
| 19 | Bella Vista                              | 3 |
| 20 | De Baron Resort                          | 3 |
| 21 | Federal Villa                            | 3 |
| 22 | Grand Continental Langkawi               | 3 |
| 23 | Hotel Bahagia                            | 3 |
| 24 | Helang Hotel Langkawi                    | 3 |
| 25 | Tok Senik Resort                         | 3 |
| 26 | Lancons Holiday Hotel                    | 3 |
| 27 | Langkasuka Beach Resort                  | 3 |
| 28 | Langkawi Boutique Resort                 | 3 |
| 29 | Langkawi Seaview Hotel                   | 3 |
| 30 | Mutiara Burau Bay Beach Resort Langkawi  | 3 |
| 31 | The Lanai Langkawi Beach Resort Langkawi | 3 |
| 32 | Tm Resort Langkawi                       | 3 |

---

Sumber :Lembaga Pembangunan Langkawi

### 2.5.5 Aktiviti-Aktiviti Dan Penganjuran Acara Pelancongan

Lembaga Pembangunan Langkawi telah melakukan kerjasama dengan pihak *Tourism Malaysia* dan pengusaha-pengusaha industri pelancongan di Langkawi telah mengadakan beberapa acara untuk menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara berkunjung ke Langkawi. Antara acara-acara yang telah dijalankan sepanjang tahun 2009 ialah seperti berikut :<sup>74</sup>

---

<sup>74</sup> Lembaga Pembangunan Langkawi (2009), *op.cit.*, h 60.

**Jadual 2.6 : Aktiviti-Aktiviti Dan Penganjuran Acara Pelancongan di Langkawi Tahun 2009.**

| <b>AKTIVITI</b>                                               | <b>TARIKH</b>     |
|---------------------------------------------------------------|-------------------|
| Royal Langkawi International Regatta                          | 4-10 Jan          |
| Tahun Baru Cina                                               | 10 Januari        |
| Chap Goh Mei                                                  | 9 Febuari         |
| Langkawi International Golf Festival 2009                     | 14-15 Mac         |
| Malaysia ITF Future Circuit F1-Langkawi                       | 15-21 Jun         |
| Pertandingan Kereta Kawalan Jauh Langkawi Geopark             | 21 Mac            |
| Langkawi International Fishing Tournament (LIFT)- Sauk Sotong | 6-7 Mac           |
| International Golf Festival 2009                              | 13-14 Mac         |
| Pesta Air 2009                                                | 9-10 April        |
| Langkawi Adang Satun International Fishing Chalenge (LASIFC)  | 3-5 April         |
| Langkawi International Master 2009 ( Golf)                    | 17-19 April       |
| Kejohanan Tower Cup Beach Soccer d'Langkawi                   | 20-22 Mac         |
| Mini Half Marathon 2009                                       | 9 Mei             |
| World Amateur Golf                                            | 4 Jun             |
| Langkawi Geopark Malaysia Freestyle Fullcontact Kickboxing    | 3-5 Julai         |
| Junior Tennis International Championship                      | 24-28 November    |
| IODA Asian Sailing Championship                               | 12-20 Disember    |
| Sail Malaysia Yachting Event                                  | 30 Okt-1 Disember |
| Program Merakytakan Seni & Budaya di Kilim                    | 11-12 Disember    |

Sumber : Lembaga Pembangunan Langkawi

## 2.6 KESIMPULAN

Sektor pelancongan merupakan satu industri yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Ia merupakan satu sektor yang penting bagi meningkatkan hasil pendapatan negara melalui peningkatan jumlah pelancong yang berkunjung. Pergerakan dan perbelanjaan para pelancong mampu meningkatkan pendapatan negara melalui cukai membeli belah, cukai penginapan, cukai makanan dan juga melalui pertukaran matawang asing. Di samping itu, sektor pelancongan juga dilihat mampu menjana pendapatan dan ekonomi penduduk setempat dengan penyertaan mereka dalam industri tersebut. Kerajaan Persekutuan telah melakukan pelbagai pelaburan dengan jumlah peruntukan dana yang tinggi bagi membangunkan sektor pelancongan negara. Perkembangan sektor pelancongan di Langkawi merupakan salah satu daripada usaha kerajaan membangunkan industri berkenaan dan ia mampu memberi pulangan yang positif kepada negara. Peningkatan jumlah pelancong ke Langkawi dilihat satu perkembangan positif. Kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti hotel dan tempat penginapan yang baik, jaringan pengangkutan, penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa serta mempunyai banyak produk pelancongan yang menarik mampu menjadikan Langkawi sebagai salah satu destinasi percutian terkenal di dunia.